

# Air laut dekat loji nuklear Fukushima tiada kesan radioaktif

BH 28/8/2023 Msi 32

Sampel dari  
11 lokasi dapati  
kepekatan tritium  
isotop di bawah  
had pengesanan  
lebih rendah

**Tokyo:** Ujian berkala pertama Kementerian Alam Sekitar Jepun terhadap sampel yang diambil dari 11 lokasi berhampiran loji nuklear Fukushima mendapati kepekatan tritium isotop radioaktif di bawah had pengesanan yang lebih rendah, 7 hingga 8 becquerel tritium seliter.

Keputusan itu membuktikan air laut di kawasan berkenaan tidak akan memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

Kementerian akan menerbitkan keputusan ujian setiap minggu sekurang-kurangnya untuk tiga bulan akan datang dan kemudian akan menyemak masa pendedahan lanjut, kata seorang pegawai kepada *Reuters* semalam.

Kementerian juga memaklumkan ujian ke atas air laut berhampiran loji nuklear Fukushima tidak mengesan sebarang radioaktif, beberapa hari selepas pelepasan air terawat yang digunakan untuk menyejukkan reaktor nuklear.

## Cetus protes

Negara Asia timur itu Khamis lalu mula melepaskan air dari

loji Fukushima ke Lautan Pasifik, mencetuskan protes dari dalam dan luar negara terutama negara jiran selain mendorong China mengharamkan import produk akuatik dari Jepun.

Agensi Perikanan Jepun semalam berkata ujian ke atas ikan di perairan sekitar loji itu tidak mengesan tritium.

Pengendali loji Tokyo Electric Power Co (Tepco) pada Jumaat berkata air laut berhampiran loji itu mengandungi kurang daripada 10 becquerel tritium seliter, di bawah had yang dikenakan sendiri oleh pihaknya iaitu 700 becquerel dan jauh di bawah had Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 10,000 becquerel untuk air minuman.

Tepco berkata ia tidak mengesan sebarang perubahan ketara. REUTERS



Air laut sekitar loji nuklear Fukushima diuji dan bebas kesan radioaktif. (Foto REUTERS)